

22 MAY 2003

Mahathir-Kedah

DR MAHATHIR LAWAT KEDAH ESOK

ALOR STAR, 22 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan sehari ke Kedah esok.

Menurut jadual lawatan Perdana Menteri yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Negeri, beliau akan tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini pada 8.45 pagi dan akan terus ke Dewan Wawasan di Jitra bagi merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu.

Pada majlis itu juga, Perdana Menteri akan mengagihkan zakat perniagaan, sumbangan Amanah Raya Berhad, berjumlah RM30,000 kepada penerima dari sekitar Kubang Pasu.

Seramai 150 orang yang telah dikenal pasti akan menerima sumbangan berjumlah RM200 seorang.

Dr Mahathir kemudian akan menunaikan solat Jumaat bersama-sama penduduk di Masjid Kampung Binjal, Jitra, sebelum kembali ke Dewan Wawasan untuk meneruskan mesyuarat.

Pada keesokannya pula, Dr Mahathir dijangka ke Perlis untuk acara pelepasan Cabaran Renangan Kuala Perlis-Pulau Langkawi di jeti LKIM, Kuala Perlis.

Acara itu akan menyaksikan Abdul Malik Mydin berenang dari Kuala Perlis ke Langkawi sebagai sebahagian daripada persiapan perenang itu untuk merentasi Selat Inggeris pada tahun depan.

-- BERNAMA

MNH MAI